

SURAT EDARAN KEWANGAN BIL. 13/2017

Ketua
Jabatan/ Pusat/ Bahagian/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Pusat Perubatan UKM

YBhg Prof/Dato' Sri'/Datuk/Dato'/Datin/To' Puan/Tuan/Puan,

PENGAWALAN PERBELANJAAN ELAUN KERJA LEBIH MASA DAN ONCALL SERTA LAIN-LAIN ELAUN YANG BERKAITAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada Pekeliling Kewangan Bil 1/2017 'Langkah-langkah Penjimatan Tahun 2017 PPUKM' berkenaan pembayaran elaun dan lain-lain tuntutan yang berkuatkuasa pada **2 Februari 2017** dan memaklumkan bahawa Jabatan Kewangan masih menerima permohonan tuntutan tahun lalu atau yang dikumpul dan dituntut melebihi tempoh 3 bulan dari bulan semasa. Pembayaran tuntutan tahun terdahulu yang lewat melebihi tempoh yang dibenarkan akan memberi kesan kepada baki peruntukan tahun semasa jabatan.

Sehubungan dengan itu, diharap pihak YBhg Prof/Dato' Sri'/Datuk/Dato'/Datin/To' Puan/Tuan/Puan dapat mengawal peruntukan semasa dengan hanya membuat tuntutan secara bulanan dan keputusan membayar adalah tertakluk kepada baki peruntukan jabatan. Tuntutan yang **lewat atau dikumpul melebihi tempoh tiga (3) bulan dari bulan semasa** tidak akan lagi dibayar sesuai dengan Polisi dan Peraturan UKM - Peraturan Kerja Lebih Masa/Gantian Cuti Rehat Bil 1/2012 (Para 1.3(ii)), Arahan Perbendaharaan perkara 56 (AP56) - kawalan perbelanjaan yang perlu dibelanjakan dalam tahun semasa.

Oleh itu, pihak YBhg Prof/Dato' Sri'/Datuk/Dato'/Datin/To' Puan/Tuan/Puan disaran agar melihat semula prestasi perbelanjaan jabatan dan mengambil inisiatif yang lebih berkesan dalam mengawal peruntukan yang telah diberikan seperti menyusun semula jadual oncall/kerja lebih masa, menyemak bilangan kakitangan terlibat, membuat tuntutan pada kadar lebih rendah atau lain-lain kaedah yang sesuai. Tuntutan cuti tanpa rekod juga merupakan alternatif yang perlu diambilkira terutama apabila peruntukan tidak lagi mencukupi.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 3962

PEJABAT DEKAN FAKULTI PERUBATAN DAN PENGARAH
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM, Tingkat 1,
Kompleks Pendidikan Tuanku Canselor Tuanku Ja'afar, Jalan Yaacón Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon: +603-9145 6495/6540 Faksimili: +603 – 9145 6649 Laman Web: <http://www.ppukm.ukm.my>

Sehubungan dengan itu mohon jasa baik untuk memaklumkan perkara ini kepada kakitangan di bawah seliaan YBhg Prof/Dato' Sri'/Datuk/Dato'/Datin/To' Puan/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,




PROF. DR. ZALEHA BT ABDULLAH MAHDY

Dekan Fakulti Perubatan dan Pengarah
HCTM, Pusat Perubatan UKM

s.k

- Timbalan-Timbalan Dekan, PPUKM
- Ketua Pegawai Operasi, PPUKM
- Ketua Jabatan Kewangan, PPUKM
- Ketua Jabatan Sumber Manusia, PPUKM

UKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 3962

PEJABAT DEKAN FAKULTI PERUBATAN DAN PENGARAH
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM, Tingkat 1,
Kompleks Pendidikan Tuanku Canselor Tuanku Ja'afar, Jalan Yaacon Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon: +603-9145 6495/6540 Faksimili: +603 - 9145 6649 Laman Web: <http://www.ppukm.ukm.my>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my